



KENYATAAN MEDIA
MAKLUMAN PENUTUPAN OPERASI KAUNTER
ZAKAT PULAU PINANG, MAINPP

Assalamualaikum wrb & Salam Ukhuwwah kepada semua Muslimin dan Muslimat yang dirahmati Allah s.w.t

Zakat Pulau Pinang (ZPP) mengambil maklum kenyataan media yang dikeluarkan oleh Pejabat Perdana Menteri bertarikh 28 Mei 2021 mengenai arahan pelaksanaan penutupan penuh sektor sosial dan ekonomi ataupun '*Total Lockdown*' Fasa Pertama di seluruh negara bagi tempoh 14 hari bermula 1 Jun 2021 hingga – 14 Jun 2021.

Oleh kerana institusi zakat tidak disenaraikan secara spesifik oleh kerajaan sebagai sektor ekonomi dan perkhidmatan perlu (*essential economic and service sector*), maka mengambil kira pengumuman berkenaan dan sebagai langkah pencegahan demi memutuskan rantai COVID-19 berikutan penularan dan peningkatan kes COVID-19 di Pulau Pinang dan seluruh Malaysia, ZPP akan menutup operasi kaunter Ibu Pejabat Bandar Perda dan di kesemua kaunter cawangan bermula **1 Jun 2021 hingga 14 Jun 2021**.

Tempoh penutupan operasi kaunter ini tertakluk kepada pengumuman terkini situasi semasa negara bagi Fasa Kedua dan Fasa Ketiga yang akan dikeluarkan oleh pihak Pejabat Perdana Menteri nanti.

Bagi memudahkan masyarakat berhubung dengan ZPP dalam tempoh '*total lockdown*' ini, beberapa talian hotline akan dibuka dan akan

dipaparkan dalam media sosial rasmi ZPP. Pembayar zakat yang ingin membayar zakat, boleh berbuat demikian melalui **Portal zakatpenang2u.com**. Melalui portal berkenaan anda boleh mengira, membayar serta mencetak resit dan penyata.

ZPP juga sedang meneliti beberapa pakej bantuan zakat yang sewajarnya bagi membantu mereka yang terkesan akibat pelaksanaan 'Total Lockdown' Fasa Pertama ini. Pakej bantuan ini akan diumumkan dari semasa ke semasa melalui platform media sosial ZPP sedia ada. Sebagai makluman, pada tahun 2020, ZPP telah menyalurkan sebanyak **RM15.9 juta** bagi pakej bantuan Fasa 1 dan Fasa 2 kepada mereka yang terkesan akibat COVID-19.

Di kesempatan ini saya menyeru kepada semua masyarakat agar mematuhi SOP yang telah ditetapkan pihak berkuasa dalam menentang penularan wabak yang sedang mengganas ini. Teruskan berdoa kepada Allah s.w.t agar kita semua dijauhkan serta berjaya melawan COVID-19. Insha-Allah. *Stay safe and Stay At Home*.

Amanah Ummah Dijaga, Hak Asnaf Dibela.

Sekian. Terima kasih.

**AMRAN BIN HAZALI,
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
ZAKAT PULAU PINANG,
MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI PULAU PINANG.**

31 Mei 2021